
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

KAT 141 - Kimia Analisis I

[Masa : 3 jam]


Kertas ini mengandungi **Bahagian A** yang mengandungi 50 soalan objektif dan **Bahagian B**. Masa yang akan diberikan untuk Bahagian A ialah 1.5 jam. **SETELAH 1.5 JAM, KERTAS SOALAN OBJEKTIF SERTA KERTAS OMR AKAN DIPUNGUT DARIPADA PARA PELAJAR.** Pelajar akan menggunakan masa 1.5 jam selebihnya untuk Bahagian B. Pelajar dikehendaki menjawab 2 daripada 3 soalan di dalam buku jawapan bagi Bahagian B. (19 muka surat).

BAHAGIAN A (50 MARKAH)

[MASA : 1.5 JAM]

Sila jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A di dalam borang OMR.

- Gas hidrogen iodida yang diletakkan di dalam bekas tertutup pada 425°C , mengurai separa kepada hidrogen dan iodin :



Pada keseimbangan, $[\text{HI(g)}] = 3.53 \times 10^{-3} \text{ M}$; $[\text{H}_2\text{(g)}] = 4.79 \times 10^{-4} \text{ M}$; dan $[\text{I}_2\text{(g)}] = 4.79 \times 10^{-4} \text{ M}$. Berapakah nilai K_c pada suhu ini?

- A. 1.84×10^{-2}
- B. 1.539×10^4
- C. 2.71×10^{-1}
- D. 5.43×10^1
- E. 6.50×10^{-5}

- 2 -

2. Tulis ungkapan K_p untuk tindak balas berikut :



A. $K_p = \frac{\rho_{\text{C}_2\text{H}_6}^2 \rho_{\text{O}_2}}{\rho_{\text{C}_2\text{H}_4}^2}$


B. $K_p = \frac{\rho_{\text{C}_2\text{H}_6} \rho_{\text{O}_2}}{\rho_{\text{C}_2\text{H}_4} \rho_{\text{H}_2\text{O}}}$

C. $K_p = \frac{\rho_{\text{C}_2\text{H}_4}^2 \rho_{\text{H}_2\text{O}}^2}{\rho_{\text{C}_2\text{H}_6} \rho_{\text{O}_2}}$

D. $K_p = \frac{\rho_{\text{C}_2\text{H}_4} \rho_{\text{H}_2\text{O}}}{\rho_{\text{C}_2\text{H}_6} \rho_{\text{O}_2}}$

E. $K_p = \frac{\rho_{\text{C}_2\text{H}_6}^2 \rho_{\text{O}_2}}{\rho_{\text{C}_2\text{H}_4}^2 \rho_{\text{H}_2\text{O}}^2}$

3. Hitung nilai pH bagi sel galvani berikut :



(Diberi $E_{\text{sel}} = +0.57 \text{ V}$, $E_{\text{Fe}^{2+}/\text{Fe}}^\circ = +0.45 \text{ V}$, $\text{Fe}^{2+}(\text{ak}) + 2\text{e} \rightleftharpoons \text{Fe(p)}$ dan $2\text{H}^+(\text{ak}) + 2\text{e} \rightleftharpoons \text{H}_2(\text{g})$)




- A. 1.01
- B. 8.61
- C. 7.23
- D. 2.02
- E. 4.05

4. Asid laktik, $\text{CH}_3\text{CHOHCOOH}$, mengandungi satu hidrogen berasid. Suatu larutan 0.10 M asid laktik mempunyai pH 2.44. Hitung nilai K_a bagi asid tersebut.
- A. 1.3×10^{-4}
 B. 1.0×10^{-3}
 C. 1.3×10^{-5}
 D. 1.4×10^{-4}
 E. 3.6×10^{-3}
5. Kandungan aktif di dalam aspirin ialah asid asetilsalisilik, $\text{HC}_9\text{H}_7\text{O}_4$, suatu asid monoprotik dengan nilai $K_a = 3.3 \times 10^{-4}$ pada 25°C . Apakah pH larutan yang diperolehi dengan melarutkan dua tablet aspirin, yang mana setiap satu mengandungi 325 mg asid asetilsalisilik di dalam 100 mL air? (JMR : $\text{HC}_9\text{H}_7\text{O}_4 = 180$).
- A. 1.44
 B. 2.48
 C. 1.34
 D. 1.74
 E. Tiada jawapan yang betul.
6. Suatu larutan 0.200 M asid lemah, HX, terion sebanyak 9.4%. Hitung nilai K_a bagi HX.
- A. 2.0×10^{-3}
 B. 9.8×10^{-3}
 C. 8.3×10^{-3}
 D. 1.9×10^{-2}
 E. 4.4×10^{-2}
7. Tindak balas yang tidak dapat diturunkan oleh Fe berdasarkan maklumat berikut ialah:
- $$(\text{Fe}^{2+} + 2e \rightleftharpoons \text{Fe(p)}, E_{\text{Fe}^{2+}/\text{Fe}}^{\circ} = -0.45\text{V})$$
- | | |
|---|---|
| A. $\text{Sn}^{4+} + 2e \rightleftharpoons \text{Sn}^{2+}$ | $E_{\text{Sn}^{4+}/\text{Sn}^{2+}}^{\circ} = +0.15\text{V}$ |
| B. $\text{Pb}^{2+} + 2e \rightleftharpoons \text{Pb(p)}$ | $E_{\text{Pb}^{2+}/\text{Pb}}^{\circ} = -0.13\text{V}$ |
| C. $\text{Mg}^{2+} + 2e \rightleftharpoons \text{Mg(p)}$ | $E_{\text{Mg}^{2+}/\text{Mg}}^{\circ} = -2.37\text{V}$ |
| D. $\text{Cl}_2(\text{g}) + 2e \rightleftharpoons 2\text{Cl}^-$ | $E_{\text{Cl}_2/\text{Cl}^-}^{\circ} = +1.36\text{V}$ |
| E. $\text{Ni}^{2+} + 2e \rightleftharpoons \text{Ni(p)}$ | $E_{\text{Ni}^{2+}/\text{Ni}}^{\circ} = -0.26\text{V}$ |

8. Hitung pH larutan apabila 2.00 mL larutan 0.500 M HClO_4 dicairkan kepada 50.0 mL.

- A. 1.398
- B. 2.00
- C. 0.02
- D. 1.699
- E. 2.50

9. Tindak balas yang tidak spontan pada keadaan piawai berdasarkan maklumat berikut ialah :




- A. $\text{Br}_2(\text{c}) + 2\text{Hg}(\text{c}) \rightarrow 2\text{Br}^- + \text{Hg}_2^{2+}(\text{ak})$
- B. $\text{Hg}_2^{2+}(\text{ak}) + \text{Pb}(\text{p}) \rightarrow 2\text{Hg}(\text{c}) + \text{Pb}^{2+}(\text{ak})$
- C. $\text{Br}_2(\text{c}) + \text{Pb}(\text{p}) \rightarrow 2\text{Br}^-(\text{ak}) + \text{Pb}^{2+}(\text{ak})$
- D. $\text{I}_2(\text{p}) + 2\text{Br}^-(\text{ak}) \rightarrow \text{Br}_2(\text{c}) + 2\text{I}^-(\text{ak})$
- E. $\text{Hg}_2^{2+}(\text{ak}) + 2\text{I}^-(\text{ak}) \rightarrow 2\text{Hg}(\text{c}) + \text{I}_2(\text{p})$

10. Barbital ialah suatu asid lemah dengan $K_a = 1.0 \times 10^{-8}$. Berapakah pH larutan 1.5×10^{-4} M barbital ?

- A. 1.2×10^{-6}
- B. 5.92
- C. 3.82
- D. 13.63
- E. 1.5×10^{-4}

- 5 -

11. Keupayaan sel bagi sel galvani untuk tindak balas



(Diberi $E_{\text{sel}}^\circ = +0.97 \text{ V}$, $\text{Sn}_{(\text{ak})}^{2+} + 2\text{e} \rightleftharpoons \text{Sn}(\text{p})$ dan $\text{H}_2\text{O}(\text{c}) + 2\text{e} \rightleftharpoons \text{H}_2(\text{g}) + 2\text{OH}^-(\text{ak})$)

- A. 0.75 V
- B. 0.80 V
- C. 0.86 V
- D. 0.63 V
- E. 1.14 V

12. Hitung $[\text{OH}^-]$ dan pH bagi larutan 0.050 M etilamina, $\text{C}_2\text{H}_5\text{NH}_2$. ($K_b = 6.4 \times 10^{-4}$)

- A. $2.5 \times 10^{-3} \text{ M}$, 1.60
- B. 0.050 M, 12.70
- C. $5.7 \times 10^{-3} \text{ M}$, 11.76
- D. $2.5 \times 10^{-3} \text{ M}$, 11.40
- E. $5.3 \times 10^{-3} \text{ M}$, 11.72

13. Hitung pOH bagi larutan 0.0025 M yang mengandungi ion CO_3^{2-} ($K_h = 1.8 \times 10^{-4}$)

- A. 3.74
- B. 7.43
- C. 1.8×10^{-4}
- D. 3.23
- E. 5.9×10^{-4}

14. Berikut diberikan beberapa sifat larutan bagi suatu larutan garam. Pilih jawapan yang tidak benar bagi larutan tersebut :

- A. NaCl – neutral
- B. NH_4Br - berbes
- C. NaHC_2O_4 - berbes
- D. KClO_4 - neutral
- E. FeCl_3 - berasid

- 6 -

15. Kira pH larutan 0.012 M asid malonik, HOOCCH₂COOH.
 $(K_{a_1} = 1.5 \times 10^{-3}$ dan $K_{a_2} = 2.0 \times 10^{-6})$
- A. 2.37
 B. 4.47
 C. 5.22
 D. 2.44
 E. 2.60
16. Manakah di antara berikut BUKAN asid kuat ?
- A. HBr
 B. HF
 C. HI
 D. HCl
 E. HClO₄
17. Tindak balas redoks yang sepadan dengan notasi sel galvani ;
 $\text{Cr(p)} \mid \text{Cr}^{3+}(\text{ak}) \parallel \text{Br}_2(\text{c}) \mid \text{Br}^-(\text{ak}) \mid \text{Pt(p)}$ ialah :
 (Diberi $\text{Cr}^{3+}(\text{ak}) + 3e \rightleftharpoons \text{Cr(p)}$ dan $\text{Br}_2(\text{c}) + 2e \rightleftharpoons 2\text{Br}^-(\text{ak})$)
- A. $2\text{Cr(p)} + 3\text{Br(c)} \rightarrow 2\text{Cr}^{3+}(\text{ak}) + 6\text{Br}^-(\text{ak}) + \text{Pt(p)}$
 B. $\text{Cr(p)} + \text{Cr}^{3+}(\text{ak}) \rightarrow \text{Br}_2(\text{c}) + 2\text{Br}^-(\text{ak})$
 C. $\text{Cr(p)} + \frac{3}{2}\text{Br}_2(\text{c}) \rightarrow \text{Cr}^{3+}(\text{ak}) + 3\text{Br}^-(\text{ak})$
 D. $2\text{Cr(p)} + 3\text{Br}_2(\text{c}) \rightarrow 2\text{Cr}^{3+}(\text{ak}) + 6\text{Br}^-(\text{ak})$
 E. $\text{Cr(p)} + \text{Br}_2(\text{c}) \rightarrow \text{Cr}^{3+}(\text{ak}) + 2\text{Br}^-(\text{ak})$
18. Pada suhu badan normal, 37°C, $K_w = 2.4 \times 10^{-14}$. Hitung $[\text{H}^+]$ dan $[\text{OH}^-]$ bagi larutan neutral pada suhu ini.
- A. $1 \times 10^{-7} \text{ M}, 1 \times 10^{-7} \text{ M}$
 B. $1.2 \times 10^{-7} \text{ M}, 1.2 \times 10^{-7} \text{ M}$
 C. $1.0 \times 10^{-7} \text{ M}, 2.4 \times 10^{-7} \text{ M}$
 D. $1.0 \times 10^{-7} \text{ M}, 1.8 \times 10^{-7} \text{ M}$
 E. $1.5 \times 10^{-7} \text{ M}, 1.5 \times 10^{-7} \text{ M}$

19. Kira pH larutan yang mengandungi $[OH^-] = 0.0007\text{ M}$. Tentukan samada larutan berasid, berbes atau neutral.
- A. 11, berbes
B. 3.15, berasid
C. 10.8, berbes
D. 7.2, berbes
E. 10.8, berasid
20. Kepada faktor berapakah $[H^+]$ bertukar untuk pertukaran pH sebanyak 2.00 unit ?
- A. Faktor 7.4
B. Faktor 4
C. Faktor 100
D. Faktor 0.01
E. Faktor 2
21. Berapakah pH larutan yang mengandungi 0.080 M asid sitrik, $\text{HOOC(OH)C(CH}_2\text{COOH)}_2$ dan 0.010 M ion sitrat, $\text{OOC(OH)C(CH}_2\text{COOH)}_2^-$? ($K_a = 7.4 \times 10^{-4}$)
- A. 2.40
B. 1.10
C. 2.23
D. 2.11
E. Tiada jawapan yang betul.
22. Berapakah $[\text{PO}_4^{3-}]$ di dalam larutan 0.1 M H_3PO_4 ?
Bagi asid H_3PO_4 , $K_{a_1} = 7.1 \times 10^{-3}$, $K_{a_2} = 6.3 \times 10^{-8}$ dan $K_{a_3} = 4.3 \times 10^{-13}$
- A. $1.6 \times 10^{-10}\text{ M}$
B. $1.2 \times 10^{-18}\text{ M}$
C. $9.8 \times 10^{-19}\text{ M}$
D. $4.2 \times 10^{-13}\text{ M}$
E. $9.0 \times 10^{-12}\text{ M}$

- 8 -

23. Adakah $\text{Mn}(\text{OH})_2$ akan termendak jika pH larutan 0.050 M MnCl_2 ditetapkan pada pH 8.0 ? $K_{\text{sp}}[\text{Mn}(\text{OH})_2] = 1.8 \times 10^{-11}$
- Ya
 - Tidak
24. Tindak balas setengah yang berlaku di anod diwakili oleh :
- $\text{Fe}^{2+}(\text{ak}) + 2e \rightarrow \text{Fe(p)}$
 - $\text{Ag}^+(\text{ak}) + e \rightarrow \text{Ag(p)}$
 - $\text{Ag(p)} + \text{Cl}^-(\text{ak}) \rightarrow \text{AgCl(p)} + e$
 - $2\text{IO}_3^-(\text{ak}) + 12\text{H}^+(\text{ak}) + 10e \rightarrow \text{I}_2(\text{p}) + 6\text{H}_2\text{O(c)}$
 - $\text{Cl}_2(\text{g}) + 2e \rightarrow 2\text{Cl}^-(\text{ak})$
25. Sebanyak 50.0 mL larutan 0.50 M asid asetik, CH_3COOH , dititratkan dengan larutan 0.150 M NaOH. Hitung pH larutan setelah 25.0 mL bes ditambahkan.
 $K_a(\text{CH}_3\text{COOH}) = 1.8 \times 10^{-5}$
- 2.52
 - 0.55
 - 2.62
 - 3.92
 - 3.99
26. Plumbeum sulfat mempunyai keterlarutan sebanyak 4.25 mg per 100 mL larutan. Berapakah nilai K_{sp} ? (JFR $\text{PbSO}_4 = 303.2$)
- 7.86×10^{-8}
 - 1.40×10^{-4}
 - 1.96×10^{-8}
 - 1.96×10^{-10}
 - 1.81×10^{-3}
27. Berapakah pH yang diperlukan untuk memendakkan $\text{Ni}(\text{OH})_2$ supaya kepekatan ion nikel, Ni^{2+} adalah kurang daripada 1.1×10^{-5} M ? $K_{\text{sp}}[\text{Ni}(\text{OH})_2] = 1.6 \times 10^{-14}$
- 3.8×10^{-5}
 - 4.42
 - 1.6×10^{-5}
 - 9.58
 - Tiada jawapan yang betul.

- 9 -

28. Berapakah bilangan mol natrium hipobromit, NaBrO , yang perlu ditambahkan kepada 1.00L larutan 0.200 M asid hipobromus, HBrO ($K_a = 2.5 \times 10^{-9}$), untuk menghasilkan larutan berpH 8.80? Andaikan tiada perubahan isipadu berlaku apabila NaBrO ditambahkan.
- A. 0.20 mol
B. Larutan penimbal dengan pH tersebut tidak mungkin dihasilkan
C. 0.13 mol
D. 0.32 mol
E. Tiada jawapan yang betul.
29. Berapakah isipadu larutan 0.250 M HCl diperlukan untuk meneutralkan 0.120 g Mg(OH)_2 di dalam 200 mL air ? [JFR $\text{Mg(OH)}_2 = 58.3$]
- A. 82.3 mL
B. 200 mL
C. 165 mL
D. 10.2 mL
E. 9.6 L
30. Manakah di antara berikut bukan ciri suatu anod ?
- A. Tindak balas setengah pengoksidaan berlaku di anod.
B. Anion berhijrah ke anod.
C. Elektrod anod ialah negatif.
D. Elektron di dalam wayar bergerak ke arah anod.
E. Elektron dihasilkan di anod.
31. Berapakah nisbah $[\text{HCO}_3^-]$ kepada $[\text{H}_2\text{CO}_3]$ di dalam darah pada pH 7.40 ? ($K_a = 4.3 \times 10^{-7}$)
- A. 9.3×10^2
B. 1.7×10^{-14}
C. 11
D. 7.0×10^4
E. Tiada jawapan yang betul.

32. Berapakah isipadu larutan 0.150 M NaOH diperlukan untuk mentitrat 21.50 mL larutan 0.120 M larutan asid asetik, CH_3COOH supaya takat kesetaraan tercapai ?
- A. 17.2 mL
B. 26.9 mL
C. 34.4 mL
D. Pengiraan tidak mungkin dilakukan kerana asid asetik ialah asid lemah.
E. Tiada jawapan yang betul.
33. Hitung keterlarutan molar $\text{Cu}(\text{OH})_2$ pada pH 9.0. $K_{\text{sp}}[\text{Cu}(\text{OH})_2] = 2.2 \times 10^{-20}$
- A. 2.2×10^{-30} M
B. 2.2×10^{-10} M
C. 2.2×10^{-11} M
D. 2.2×10^{-2} M
E. 2.2×10^{-15} M
34. Yang manakah di antara berikut TIDAK benar ?
- A. Pemalar keseimbangan tidak dipengaruhi oleh perubahan suhu.
B. Jika nilai pemalar keseimbangan besar, sebahagian besar hasil terbentuk secara relatif.
C. Pada keseimbangan, kepekatan tidak berubah dengan masa.
D. Pemalar keseimbangan ialah nisbah kadar ke hadapan kepada kadar ke belakang.
E. Keseimbangan adalah dinamik, kerana molekul sentiasa bertindakbalas.
35. Jika suatu sampel berjisim 40 g yang mengandungi kuprum menghasilkan 5 g CuO (JFR 79.55), peratus kuprum (JAR 63.55) di dalam sampel tersebut ialah :
- A. $(5/40) \times 100$
B. $(5/40) \times (79.55/63.55) \times 100$
C. $(5/40) \times (63.55/79.55) \times 100$
D. $(40/5) \times (79.55/63.55) \times 100$
E. Tidak ada jawapan

- 11 -


36. Yang manakah di antara berikut akan merendahkan/mengurangkan pH larutan asid sitrik, $\text{HOOC(OH)C(CH}_2\text{COOH)}_2$?
- Penambahan asid sitrik, $\text{HOOC(OH)C(CH}_2\text{COOH)}_2$
 - Penambahan ion klorida, Cl^-
 - Penambahan ion sitrat, $\text{OOC(OH)C(CH}_2\text{COO}^-$
 - Penambahan ion nitrat, NO_3^-
 - Penambahan ion asetat, CH_3COO^-
37. Sebanyak 0.585 g bahan pencuci diolah untuk menukar kandungan fosfor dalam ampel tersebut kepada mendakan $\text{Mg}_2\text{P}_2\text{O}_7$ (JFR = 222.6). Jisim mendakan terakhir ialah 0.432 g. Kira peratus P (JAR = 30.97) di dalam sampel bahan pencuci tersebut.
- $$\% \text{ P} = \frac{0.432 \times 2 \times 30.97 \times 100}{(222.6)(0.585)}$$
 - $$\% \text{ P} = \frac{222.6(0.432)(2)(100)}{(0.585)(30.97)}$$
 - $$\% \text{ P} = (0.432/30.97)(0.585/222.6) \times (1/2) \times 100$$
 - $$\% \text{ P} = (0.432/30.97)(222.6/0.585) \times (1/2) \times 100$$
 - Maklumat tidak mencukupi untuk menentukan peratus P.

- 12 -

38. Suatu sebatian yang mengandungi 17% sulfur (berdasarkan jisim) (JAR, S = 32.1) bertindakbalas dengan sempurna untuk menghasilkan 1.8 g $\text{H}_2\text{S}_2\text{O}_7$ (JFR = 178.1). Pilih ungkapan daripada yang dibawah yang patut digunakan untuk mengira jisim sebatian asal.
- $$\frac{1.8}{178.1} \times \frac{2}{32.1} \times \frac{17}{100}$$
 - $$\frac{1.8}{178.1} \times \frac{32.1}{1} \times \frac{100}{17}$$
 - $$\frac{1.8}{178.1} \times \frac{1}{2(32.1)} \times \frac{17}{100}$$
 - $$\frac{1.8}{178.1} \times \frac{2(32.1)}{1} \times \frac{100}{17}$$
 - $$\frac{1.8}{178.1} \times \frac{2(32.1)}{1} \times \frac{17}{100}$$
39. Jika S ialah keterlarutan suatu garam di dalam unit mol/L, yang manakah di antara ungkapan K_{sp} yang berikut TIDAK benar ?
- $\text{Cu}(\text{OH})_2 \quad K_{sp} = 4\text{S}^3$
 - $\text{BaSO}_4 \quad K_{sp} = \text{S}^2$
 - $\text{AgS} \quad K_{sp} = \text{S}^2$
 - $\text{Ca}_3(\text{PO}_4)_2 \quad K_{sp} = 16\text{S}^5$
 - $\text{AgCl} \quad K_{sp} = \text{S}^2$
40. Jika keterlarutan molar CaF_2 pada 35°C ialah 1.24×10^{-3} mol/L, berapakah nilai K_{sp} pada suhu ini ?
- 1.91×10^{-9}
 - 3.08×10^{-6}
 - 7.63×10^{-9}
 - 1.54×10^{-6}
 - Tiada jawapan yang betul.

- 13 -

41. Tulis ungkapan K_c bagi tindak balas berikut :



A. $K_c = \frac{[N_2][O_2]}{[NO]}$


B. $K_c = \frac{[N_2][O_2]}{[NO]^2}$

C. $K_c = \frac{[NO]^2}{[N_2][O_2]}$

D. $K_c = \frac{[NO]}{[N_2][O_2]}$

- E. Tiada jawapan yang betul.

42. Hitung kepekatan $[Ag^+]$ di dalam suatu sel galvani bagi tindak balas :







(Diberi $E_{sel} = +1.17 V$, $E_{sel}^o = +1.06 V$, $Ni^{2+}_{(ak)} + 2e \rightleftharpoons Ni(p)$ dan $Ag^+(ak) + e \rightleftharpoons Ag(p)$).

- A. $1.4 \times 10^{-4} M$
 B. $0.73 M$
 C. $0.084 M$
 D. $0.53 M$
 E. $1.4 M$

- 14 -

43. Pemalar penguraian bagi asid, H_4Y (EDTA) adalah seperti yang berikut :



Pilih sebutan yang betul bagi kepekatan total, C_y bagi asid H_4Y (EDTA).

- A. $C_y = [Y^{4-}] + [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-] + [H_4Y]$
- B. $C_y = [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-] + [H_4Y]$
- C. $C_y = [Y^{4-}] + [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-]$
- D. $C_y = [Y^{4-}] + [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3O^+]$
- E. $C_y = [Y^{4-}] + [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-] + [H_4]$
44. Pecahan EDTA dalam bentuk Y^{4-} diberikan oleh ungkapan berikut (merujuk kepada soalan 43).

A. $[Y^{4-}]/C_y = \frac{[K_{a_1} + K_{a_2} + K_{a_3} + K_{a_4}]}{[H_3O^+]^4 + [H_3O^+]^3 K_{a_1} + [H_3O^+]^2 K_{a_1} K_{a_2} + [H_3O^+] K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} + K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} K_{a_4}}$

B. $[Y^{4-}]/C_y = \frac{K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} K_{a_4}}{[H_3O^+]^4 + [H_3O^+]^3 K_{a_1} + [H_3O^+]^2 K_{a_1} K_{a_2} + [H_3O^+] K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} + K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} K_{a_4}}$

C. $[Y^{4-}]/C_y = \frac{K_{a_1} K_{a_2} + K_{a_3} K_{a_4}}{[H_3O^+] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-] + [H_4Y]}$


D. $[Y^{4-}]/C_y = \frac{K_{a_1} K_{a_2} K_{a_3} K_{a_4}}{[Y^{4-}] + [HY^{3-}] + [H_2Y^{2-}] + [H_3Y^-] + [H_4Y]}$

- E. Tidak ada jawapan.

- 15 -

45. Kirakan pemalar pembentukan bersyarat bagi kompleks Ca^{2+} dengan EDTA pada pH 10.0.
 K_f bagi $\text{CaY}^{2-} = 5.0 \times 10^{10}$. α_4 bagi EDTA = 0.35.
- A. 1.8×10^{10}
B. 1.4×10^{11}
C. 5.0×10^{10}
D. 3.2×10^{10}
E. Tidak ada jawapan yang betul.

46. Pemalar pembentukan berperingkat bagi $\text{Zn}(\text{NH}_3)_4^{2+}$ adalah seperti yang berikut :



Pilih sebutan yang betul bagi pecahan bagi Zn^{2+} dalam larutan yang mengandungi Zn^{2+} dan ammonia.

- A.
$$\frac{K_{f1}[\text{NH}_3]}{1 + K_{f1}[\text{NH}_3] + K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}$$
- B.
$$\frac{K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2}{1 + K_{f1}[\text{NH}_3] + K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}$$
- C.
$$\frac{K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3}{1 + K_{f1}[\text{NH}_3] + K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}$$
- D.
$$\frac{K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}{1 + K_{f1}[\text{NH}_3] + K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}$$
- E.
$$\frac{1}{1 + K_{f1}[\text{NH}_3] + K_{f1}K_{f2}[\text{NH}_3]^2 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}[\text{NH}_3]^3 + K_{f1}K_{f2}K_{f3}K_{f4}[\text{NH}_3]^4}$$

- 16 -

47. Kirakan isi padu larutan 0.0500 M EDTA yang diperlukan untuk mentitrat 26.00 mL larutan 0.0845 M $Mg(NO_3)_2$.
- 43.94 mL
 - 21.97 mL
 - 87.88 mL
 - 10.98 mL
 - Tiada jawapan yang betul.

Bagi soalan 48 dan 49, pilih daripada yang berikut :

- Larutan asid lemah, H_2A
 - Larutan penimbal, H_2A^- dan HA^-
 - Larutan garam, $NaHA$.
 - Larutan penimbal, HA^- dan A^{2-}
 - Larutan garam, Na_2A
48. Sebanyak 20.00 mL larutan 0.0500 M NaOH ditambah kepada 20.0 mL larutan 0.100 M asid diprotik, H_2A . Apakah jenis larutan yang dihasilkan pada takat ini dalam suatu pentitratan?
49. Sebanyak 40.0 mL larutan 0.0500 M NaOH ditambah kepada 20.0 mL larutan 0.100 M asid diprotik, H_2A . Apakah jenis larutan yang dihasilkan pada takat ini dalam pentitratan tersebut?
50. Kirakan $[OH^-]$ bagi larutan 0.0400 M bes $H_2NCH_2CH_2NH_2$.
 Ion etilena diammonium, $H_3NCH_2CH_2NH_3^+$: $K_{a_1} = 1.42 \times 10^{-7}$, $K_{a_2} = 1.18 \times 10^{-10}$
- 0.0400 M
 - 5.31×10^{-5} M
 - 1.84×10^{-3} M
 - 2.17×10^{-6} M
 - Maklumat tidak mencukupi bagi pengiraan.

BAHAGIAN B (50 MARKAH)**MASA : 1.5 JAM****Jawab sebarang DUA soalan.**

Hanya DUA jawapan yang pertama akan diperiksa.
Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Bahagian ini mengandungi TIGA soalan kesemuanya.

1. (a) Jelaskan setiap sebutan berikut dengan memberikan contoh yang sesuai :

- (i) Ligan bidentat
- (ii) Kelat
- (iii) Pemalar pembentukan bersyarat.

(6 markah)

- (b) Ion argentum, Ag^+ , membentuk kompleks 1:2 dengan etilenadiamina, (en) secara berperingkat. Kira keterlarutan AgCl di dalam 0.1000 M etilenadiamina, (en).

$$[K_{f_1} = 5.0 \times 10^4, K_{f_2} = 1.4 \times 10^3, K_{sp}(\text{AgCl}) = 1.0 \times 10^{-10}]$$

(7 markah)

- (c) Sejumlah 25.0 mL larutan 0.0200 M MnSO_4 dititratkan dengan larutan 0.0100 M EDTA yang ditimbalkan kepada pH 8.00. Kira pMn jika isipadu EDTA ditambahkan seperti yang berikut :

- (i) 40.00 mL
- (ii) 50.00 mL

$$[K_f(\text{Mn-EDTA}) = 7.4 \times 10^{13}, \alpha_4 = 5.4 \times 10^{-3}]$$

(6 markah)

- (d) Sejumlah 100 mL sampel air yang mengandungi ion Ca^{2+} dan Mg^{2+} , ditimbalkan kepada pH 10 dan kemudian dititratkan dengan larutan 0.0150 M EDTA menggunakan zat penunjuk EBT. Sejumlah 36.30 mL larutan EDTA diperlukan untuk mencapai takat akhir. Sejumlah 100 mL sampel air kedua ditimbalkan kepada pH 12 untuk memendakkan $\text{Mg}(\text{OH})_2$. Sampel ini kemudian telah dititratkan dengan larutan 0.0150 M EDTA. Sejumlah 28.60 mL larutan EDTA diperlukan untuk mencapai takat akhir apabila zat penunjuk naftol biru digunakan. Kira kepekatan CaCO_3 dan MgCO_3 dalam sebutan bahagian per juta, ppm di dalam sampel air tersebut.

$$[\text{JFR : } \text{CaCO}_3 = 100.1, \text{MgCO}_3 = 84.3].$$

(6 markah)

2. (a) Kirakan pH larutan berikut:

- (i) 0.0500 M H₃PO₄.
- (ii) 0.0500 M Na₃PO₄.

[H₃PO₄: K_{a1} = 7.11 X 10⁻³, K_{a2} = 6.32 X 10⁻⁸, K_{a3} = 4.5 X 10⁻¹³]

(6 markah)


(b) Bagi suatu larutan, kepekatan analitis HClO₄ dan asid formik, HCOOH dalam larutan tersebut adalah masing-masing 0.1000 M dan 0.0800 M. Sejumlah 50.00 mL larutan tersebut dititrat dengan larutan 0.2000 M KOH.

- (i) Kirakan bilangan millimol HClO₄ dan HCOOH dalam larutan tersebut.
- (ii) Berapakah isipadu larutan KOH yang diperlukan untuk meneutralkan kedua-dua HClO₄ dan HCOOH?
- (iii) Kirakan pH larutan sebelum ditambah titran dan setelah ditambah 50.00 mL larutan 0.2000 M KOH.

[Asid formik, HCOOH : Ka = 1.80 X 10⁻⁴]

(12 markah)

(c) Sebanyak 0.6250 g suatu sampel merkuri(II) oksida yang tidak tulen dilarutkan di dalam larutan kalium iodida yang berlebihan. Tindak balas yang berlaku adalah:




Kira peratus HgO dalam sampel jika pentitratan hidroksida yang dihasilkan memerlukan 41.60 mL larutan 0.1285 M HCl.

[JMR : HgO : 216.59]


(7 markah)

- 19 -

3. (a) Kirakan keupayaan penurunan piawai bagi tindak balas setengah berikut :





Diberi bahawa K_{sp} bagi $\text{Pd}(\text{OH})_2$ adalah 3×10^{-29} dan



(4 markah)

- (b) Kirakan keupayaan takat kesetaraan dan 10.00 mL selepas takat kesetaraan bagi pentitratan 50.00 mL larutan 0.1000 M V^{2+} dengan larutan 0.0500 M Sn^{4+} .



(6 markah)

- (c) Kirakan pAg setelah ditambah 70.00 mL larutan 0.02500 M NH_4SCN kepada 25.00 mL larutan 0.05000 M AgNO_3 dalam suatu pentitratan.

$$[\text{K}_{sp}(\text{AgSCN}) = 1.1 \times 10^{-12}]$$

(3 markah)

- (d) Suatu campuran yang mengandungi hanya KCl dan NaBr dianalisis dengan kaedah Mohr. Suatu sampel berjisim 0.3172 g yang dilarutkan di dalam 50 mL air dan dititrat kepada takat akhir Ag_2CrO_4 memerlukan 36.85 mL larutan 0.1120 M AgNO_3 . Pentitratan larutan blank memerlukan 0.71 mL titran untuk mencapai takat akhir yang sama. Kirakan peratus (% w/w) KCl dan NaBr masing-masing di dalam sampel.

$$[\text{JFR : KCl} = 74.551, \text{NaBr} = 102.89].$$

(12 markah)

oooOooo